



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PANDAN JAYA
55100 AMPANG, SELANGOR**

**PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI)
PENGESANAN TAHAP PENGUASAAN 2 (2021)**

**PENDIDIKAN ISLAM
TINGKATAN 4 (KSSMPK)**

NAMA : _____

KELAS: _____

BAHAGIAN A

Arahan :

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang paling sesuai sahaja.

لَا تُفَرِّقْ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ	I
كُلُّ عَمَلٍ آمَنَ بِهِ اللَّهُ وَامَلَائِكَتُهُ وَكُنُوزُهُ وَرُسُلُهُ	II
وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ	III
آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ	IV

- Susun potongan ayat surah al-Baqarah ayat 285 berikut mengikut urutan yang betul.
A I, II, III, IV
B II, IV, III, I
C III, II, IV, I
D IV, II, I, III
- Al-Quran menjadi panduan bagi orang yang _____.
A berdoa
B berjaya
C bersatu
D bertaqwa
- Antara berikut yang manakah tergolong dalam amalan hati?
A Haji
B Solat
C Zakat
D Ikhlas

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ ۚ — لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾
(Surah al-Baqarah : 2)

4. Lengkapi potongan ayat di atas dengan pilihan jawapan yang betul.

A هُدًى
B إِلَيْكَ
C الصَّلَاةَ
D أَنْزَلَ

وَمَا أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِكَ	I
بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ	II
وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ	III
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ	IV

5. Susun potongan surah al-Baqarah ayat 4 berikut mengikut urutan yang betul

A I, II, III, IV
B II, IV, III, I
C III, II, I, IV
D IV, II, I, III

6. Orang yang bertaqwa akan beriman kepada perkara _____ .

A ajaib
B ghaib
C khurafat
D luar biasa

Al-Quran
Taurat

Injil
Zabur

7. Apakah ciri orang yang bertaqwa berkaitan dengan maklumat di atas?

A Beriman kepada rasul
B Beriman kepada kitab
C Beriman kepada Malaikat
D Beriman kepada hari akhirat

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا حَسَنَةً
فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
(Surah al-Baqarah : 201)


8. Apakah seruan Allah SWT kepada hambaNya berdasarkan ayat di atas?

A Berdoa memohon ditetapkan hati
B Berdoa memohon ditingkatkan keimanan
C Berdoa memohon kebahagiaan di dunia dan akhirat
D Berdoa memohon perlindungan daripada maksiat

9. Antara berikut yang manakah doa berkaitan urusan dunia?

- I Rumah yang selesa
- II Kesihatan yang baik
- III Mendapat ganjaran syurga
- IV Memperoleh keampunan dan keredhaan Allah SWT

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



10. Apakah doa yang boleh dipohon kepada Allah SWT berdasarkan gambar di atas?

- A Keluarga yang kaya
- B Keluarga yang besar
- C Keluarga yang bahagia
- D Keluarga yang pemurah

- ◆ Terhindar daripada seksaan api neraka
 - ◆ Mendapat ganjaran syurga

11. Doa-doa di atas dipohon oleh seseorang individu yang _____ .

- A mementingkan kesihatan diri
- B mementingkan urusan akhirat
- C mementingkan darjat di mata manusia
- D mementingkan wang ringgit dan harta

12. Manakah antara yang berikut **bukan** ciri-ciri makanan yang halal?

- A Makanan yang telah ditetapkan halal oleh syarak seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan dan sayur-sayuran.
- B Makanan halal yang tidak bercampur dengan najis.
- C Makanan daripada punca rezeki yang halal.
- D Makanan yang boleh memudaratkan kesihatan.

13. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang ciri-ciri makanan haram.

- A Haiwan yang halal disembelih mengikut syariat Islam seperti ayam.
- B Haiwan yang telah diharamkan oleh syariat Islam.
- C Makanan yang boleh memudaratkan kesihatan.
- D Makanan yang berpunca daripada rezeki yang haram.

14. Bagaimanakah cara mendapatkan makanan halal dan baik?
- I Melihat kandungan bahan
 - II Melihat tanda harga
 - III Melihat keadaan bungkus
 - IV Melihat logo halal
- A I dan II
B I dan IV
C I dan III
D III dan IV
15. Antara berikut yang manakah akibat pengambilan makanan haram kepada kesihatan rohani?
- A Mendapat penyakit
B Badan menjadi cepat letih
C Dibenci oleh masyarakat
D Ibadah yang dikerjakan menjadi sia-sia dan tidak diterima oleh Allah SWT
16. Berikut ialah tuntutan bercakap perkara yang baik **kecuali**
- A Islam menggalakkan kita berdiam diri daripada bercakap perkara sia-sia
B Seseorang akan dipandang mulia jika sentiasa bercakap perkara baik
C Menggunakan bahasa yang kesat ketika bercakap
D Berfikir sebelum berkata-kata dapat menghalang pelbagai fitnah
17. Yang manakah **bukan** ciri-ciri percakapan yang tidak baik?
- A Suka meninggikan diri dan menunjuk-nunjuk.
B Memberikan ucapan tahniah dan pujian untuk sesuatu kejayaan.
C Mengumpat dan menceritakan keburukan orang lain.
D Percakapan yang meninggikan suara atau menjerit-jerit.
18. Pilih pernyataan yang **salah** tentang akibat bercakap perkara yang tidak baik.
- A Mengeratkan persahabatan.
B Menimbulkan rasa kurang senang dan berkecil hati.
C Berlaku permusuhan dan pertengkaran.
D Hilang rasa hormat dan kepercayaan.
19. Manakah antara yang berikut **bukan** cara-cara meninggalkan percakapan yang tidak baik?
- A Suka bercerita hal orang lain.
B Mengucapkan maaf apabila melakukan kesilapan.
C Sentiasa mengucapkan terima kasih.
D Berfikir dahulu sebelum berkata-kata.

20. Apakah maksud pahala?

- A Ganjaran Allah kepada orang yang meninggalkan larangan-Nya
- B Balasan baik yang dijanjikan oleh Allah kepada orang yang mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya
- C Ganjaran yang dijanjikan oleh Allah kepada orang yang mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya
- D Ganjaran syurga yang dijanjikan oleh Allah kepada orang yang mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya

Balasan buruk yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada orang yang melanggar larangan-nya

21. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud _____ .

- A dosa
- B pahala
- C syurga
- D neraka

22. Berikut merupakan tanda-tanda besar hari kiamat **kecuali**

- A munculnya Imam Mahadi.
- B turunnya Nabi Isa.
- C orang jahil dilantik sebagai pemimpin.
- D keluarnya Yakjuj dan Makjuj.

23. Berikut ialah kepentingan Beriman kepada Hari Kiamat **kecuali**

- A Membuktikan kekuasaan dan keadilan Allah SWT yang mutlak.
- B Menyedarkan manusia bahawa setiap perbuatan yang dilakukan akan diberi ganjaran yang setimpal.
- C Mendorong manusia melakukan amal soleh dan menjauhi kemungkaran.
- D Mendorong manusia untuk melakukan kejahatan dan kemungkaran.

24. Apakah maksud qadak menurut bahasa?

- A Menjelaskan sesuatu
- B Menyempurnakan sesuatu
- C Pelaksanaan sesuatu perkara
- D Ketentuan Allah SWT sejak azali

25. Pilih pernyataan yang **salah** tentang kepentingan Beriman kepada Qadak dan Qadar.

- A Meningkatkan keyakinan terhadap keagungan dan kebesaran Allah SWT
- B Melatih perasaan sombong dan takbur dengan kejayaan yang dikecapi.
- C Mengelakkan seseorang itu daripada berputus asa dalam kehidupannya.
- D Mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT.

26. Antara berikut yang manakah **bukan** hikmah Beriman kepada Qadak dan Qadar?
- A Melatih diri untuk bersyukur apabila mendapat keuntungan.
 - B Tidak mendapat ketenangan jiwa dalam kehidupan.
 - C Melahirkan individu yang bersifat tawaduk dan sentiasa merendah diri.
 - D Memupuk sifat optimis dan rajin berusaha untuk kehidupan yang lebih baik.
27. Semua yang berikut merupakan syarat sah solat **kecuali**
- A baligh
 - B menutup aurat
 - C yakin masuk waktu
 - D suci daripada hadas kecil dan hadas besar
28. Semua yang berikut merupakan solat fardhu empat rakaat **kecuali**
- A solat maghrib
 - B solat zohor
 - C solat asar
 - D solat isyak
29. Antara berikut yang manakah benar mengenai perkara yang membatalkan solat?
- I Berhadas selepas salam yang pertama
 - II Terbuka aurat tanpa sengaja
 - III Berpaling dada daripada arah kiblat
 - IV Meninggalkan satu daripada rukun solat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
30. Semua yang berikut merupakan punca seseorang tidak khusyuk solat **kecuali**
- A melakukan dosa dan maksiat.
 - B memikirkan perkara keduniaan.
 - C menunaikan solat ketika waktu sunyi.
 - D makan makanan daripada sumber yang haram.

BAHAGIAN B

1. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan supaya menjadi ayat yang lengkap mengikut tertib di dalam al-Quran.

بِالْغَيْبِ 1	لِلْمُتَّقِينَ 2	مِنْ قَبْلِكَ 3
الْمُفْلِحُونَ 4	وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ 5	

Firman Allah SWT:

الَمْ ۝ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى ۝ i ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
 بِالْغَيْبِ ۝ ii ۝ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝ وَالَّذِينَ
 يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ ۝ iii ۝ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ
 يُوقِنُونَ ۝ iv ۝ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ

(Al-Baqarah : 1 – 5)

2. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul mengenai intisari ayat 1 hingga 5 surah al-Baqarah.

ghaib	panduan	kalam	bertaqwa	harta	akhirat
-------	---------	-------	----------	-------	---------

- a. Al-Quran diturunkan untuk menjadi _____ kepada orang yang beriman dan bertaqwa.
- b. Tidak ada pada al-Quran sebarang keraguan kerana _____ Allah SWT.
- c. Antara ciri orang _____ ialah beriman kepada perkara ghaib, mendirikan solat, menginfakkan harta, beriman kepada kitab dan beriman kepada hari _____.
- d. Orang yang meyakini al-Quran dan perkara _____ serta mendirikan solat dan membelanjakan _____ ke arah kebaikan adalah orang yang beriman.